

# Dari Sebulan ke Sebulan

Tengku Abdul Rahman di dalam ucapannya kepada ahli-ahli UMNO di Singapura di antara lain menyebut bahawa negeri-negeri lain pun banyak yang berhutang iaitu tatkala menyebut rancangan meminjam \$2,000,000,00 dari kerajaan Inggeris. Maksudnya kalau orang berhutang tuan pun boleh berhutang. Pada pengajaran agama orang yang berhutang itu dicela dan ditentukan supaya memberi hak zakat dan fitrah untuk membayar hutang-hutang orang yang berhutang. Ertinya berhutang itu satu pekerjaan yang tidak digemar. Kalaupun istilah “orang berhutang tuan berhutang” tetapi kalau dalam perkara lain bagaimana? Kita mesti mengikut juga?

\* \* \*

Menurut keterangan yang didapat bahawa hingga pertengahan bulan September yang lalu di Kolej Islam telah diadakan kursus bagi guru-guru agama lelaki perempuan di seluruh Tanah Melayu. Tujuan ini mulia dan bagus – patut dipuji supaya dengannya dapat dihidupkan perasaan mahabbah bersama di dalam perkembangan Kolej Islam itu. Syabas!!! Di dalam kursus-kursus yang diberi itu maka untuk memuaskan orang-orang yang berkursus diadakan satu majlis bertanya dengan surat-surat. Di antara pertanyaan itu didapati perkara yang mustahak yang patut diketahui oleh mereka untuk perkembangan-perkembangan agama di daerah-daerah di mana mereka mengajar. Tetapi sangat mendukacitakan bahawa segala pertanyaan yang didatangkan itu dijawab dengan satu cara yang seolah-olah digantungkan kepada akal dan fikiran semata tidak

dengan ilmu atau ilmiah. Umpamanya ada satu pertanyaan yang didatangkan oleh seorang wanita yang lebih kurang maksudnya bahawa kelulusan berpoligami dalam Islam itu menimbulkan perasaan sakit hati bagi wanita-wanita dan di sebalik itu agama Islam menegah atau tidak mempersetujui perkara-perkara yang menyakitkan hati orang lain. Jawapan yang diberi sepanjang yang didengar adalah bersandarkan kepada akal dan keadaan. Pada hal soal itu bergantung kepada perlawanan dua



*Ustaz Zulkifli Muhammad sedang menjawab pertanyaan-pertanyaan dalam masa memberikan kursus bagi guru-guru agama yang diadakan di Kolej Islam pada bulan yang lalu. Duduk di tengah-tengah ialah Dr Abdul Rauf.*



*Sebahagian dari guru-guru agama yang datang dari seluruh Malaya sedang mendengar ceramah dari profesor-profesor Kolej Islam Malaya dalam kursus yang telah diadakan selama dua minggu pada bulan yang lalu.*

hukum yang sepatutnya dijelaskan dengan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis dan dengan gambaran-gambaran tarikh supaya dapat menjadi bahan ilmu bagi guru-guru itu menggambarannya nanti di hadapan khalayak-khalayak yang bertanya kepadanya di kampung halamannya. Sudah terang keterangan-keterangan itu sangat dikehendaki dan diberi panduan kepada mereka supaya menjawab tiap-tiap satu pertanyaan dengan hujah dan alasan-alasan yang bersandar kepada al-Quran dan al-Hadis tidak diselaputi oleh perasaan, oleh akal yang harus tidak dapat diterima oleh setengah-setengah orang.

Mudah-mudahan ini menjadi peringatan kepada pemimpin-pemimpin kolej itu kalau mahu mengadakan majlis bertanya biarlah jawapannya itu jangan berupa main-main – jangan main jawab sahaja dengan tidak diberi alasan yang tepat.

\* \* \*

Encik Za'ba di dalam kertas kerjanya berkenaan bahasa Melayu dan tulisannya yang dihadapkan ke dalam Kongres Ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya telah menyatakan bahawa huruf Arab yang sudah 700 tahun itu sudah tidak sehati lagi dengan orang Melayu yang beragama Islam yakni masih menjadi huruf pinjaman sahaja. 700 ratus tahun sudah dipakai sekarang beliau menganjurkan supaya meminjam pula dari Barat untuk orang-orang Melayu. Beliau memberi pula hujah bahawa orang-orang yang mempertahankan huruf-huruf Jawi itu untuk bahasa Melayu seolah-olahnya orang yang bodoh yang tidak mahu mengikuti keadaan dan perkembangan-perkembangan yang ada di sekelilingnya atau yang menurut pandangan kita tidak mahu mengikuti acuan-acuan yang diacukan oleh penjajah untuk menghapuskan huruf-huruf Jawi.

Hujah-hujah beliau dengan kedudukan politik, katanya bagaimanakah boleh tiga million orang-orang Melayu menentang 400,000,000 orang-orang Cina. Perkataan yang sedemikian ini dipandang beliau satu hal yang mustahil padahal perkataan mustahil menurut pengertian agama dan orang-orang yang beragama hanya ada diuntukkan kepada Allah semata-mata sebagai perbandingannya. Yang lebih menyedihkan lagi kerana beliau seorang yang kerap kali menulis di dalam perkara agama belum pun terkena serang, belum masuk gelanggang sudah menyerah pada hal menurut azam orang Islam, walaupun sedikit, tetapi dengan pertolongan Allah dan dengan keyakinan berjuang bersama-sama pasti akan menang. Barangkali beliau lupa kepada firman Tuhan yang berbunyi: *Kam min fi'atin qalilatin ghalabat fi'atan kathiratin bi idhni Allāh.*

Hal-hal yang demikian ini, gambaran dan keyakinan ini, tidak dihidupkan oleh beliau. Sesungguhnya sayang! Terasa hampalah bagi orang-orang yang membaca tulisan-tulisan beliau

Sambungan di muka 42

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

## Sambungan dari muka 6

Tentang kebangkitan dan kepercayaan beragama bahawasanya tiap-tiap yang kecil itu belum tentu boleh kalah kalau ada pertolongan Allah dan yang demikian sebagaimana beliau pernah katakan tidak dapat ditahan, tidak dapat dipatahkan apabila ia telah tiba dan caranya ialah berusaha dan bekerja sedang bantuan atau hasilnya bukan kuasa kita dan sebab itu sebagai sifat seseorang Islam menghadapi keadaan itu kenalah menyerah sebagaimana yang telah dibuat oleh Encik Za'ba terhadap kegiatannya mempertahankan tulisan Jawi yang sudah tentu menghidupkan jiwa keagamaan di negeri ini. Bekerjalah biar beberapa orang namun pekerjaan itu akan berjaya kerana tidakkan Muhammad bin Abdullah (SAW) itu bekerja mulanya dengan 4 orang kemudian 40 orang dan kemudian serata jajahan negeri Arab terletak di bawahnya.

\* \* \*



*Ustazah-ustazah dari seluruh Malaya sedang menghadiri kursus Kolej Islam Malaya.*

Berita yang disampaikan kepada kita bahawa jabatan agama di negeri Perak telah memberi pinjaman kepada peladang-peladang dari wang pungutan zakat sebanyak \$240,000. Diberitakan juga bahawa pungutan-pungutan atau minta hutang itu telah dijalankan dan sekarang masih ada berbaki lagi sebanyak 100,000 ringgit. Apabila hutang-hutang itu dituntut supaya diselesaikan maka peladang-peladang itu dikatakan telah menuntut kepada jabatan agama supaya diberi bahagian-bahagian mereka, bahagian orang-orang miskin, bahagian orang-orang yang berhutang. Mereka enggan membayar hutang-hutang itu selama mereka belum mendapat lagi bahagian-bahagian orang-orang yang berhutang yang ada di dalam asnaf zakat itu.

Itu satu perkara yang memusingkan kepala kerana sebenarnya peladang-peladang itu adalah berhutang dan agama, dalam bahagian zakat, menentukan pula bahagian orang yang membayar hutang. Dengan ini tentulah perkara itu akan selesai dan harus ulama di Perak nanti akan memberi fatwa bagaimana mendalihkan perkara itu supaya wang zakat yang 100,000 ringgit itu dapat kembali. Beginilah caranya kalau wang zakat dicita-citakan untuk diperniagakan.

\* \* \*

Pada bulan hadapan ini sudah tentulah di mana-mana tempat di Persekutuan Tanah Melayu atau umumnya di alam Islam diadakan perayaan-perayaan menyambut Maulud Nabi Muhammad (SAW). Singapura pula sudah tentu tidak ketinggalan dan di situ diadakan jamuan makan-makan, berarak dan seumpamanya. Orang pada bertanya: Apakah tujuan merayakan itu hanya dengan membesarkan kemuliaan beliau atau menyebut hari keputeraan itu untuk kita menggambarkan kepada umat bahawa beliau seorang satria, segala gerak geri serta amalan beliau mesti diikuti dan ditaati. Sepatutnya pada hari perayaan itu janganlah menjadi membazir dengan makan dan minum, bersukaria dengan berarak sekadar memuja dan memuji nama beliau namun masyarakat yang kita hadapi

makin kucar kacir, makin banyak orang yang mengatakan dirinya *free-thinker*, tidak beragama dan tidak bertuhan yang belum pernah terjadi dalam sejarah kita dahulu yang terang-terang mencapak kedudukan kemuliaan Islam. Orang mesti bertanya apakah kita leka dengan tidak mau mencari dan memberikan kesedaran pada diri masing-masing?

\* \* \*

Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu telah mengadakan jamuan teh kerana meraikan wakil Kongres Bahasa. Jemputan-jemputan telah diedarkan terutamanya kepada orang ramai termasuk menteri-menteri Singapura. Jemputan-jemputan itu ditulis dengan huruf rumi kerana mengambil sempena dari Kongres Bahasa Melayu. Jawapan-jawapan telah diterima dari: Tuan *Chief Secretary* dengan bahasa Melayu bertulis rumi, Tuan Thomas Menteri Kerjaraya dengan bahasa Melayu bertulis Jawi, dan Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu menerima pula jawapan daripada Menteri Muda Pelajaran Encik Sadiq bin Abdul Hamid dengan bahasa Inggeris. Orang-orang dari penerbit-penerbit masing-masing tertegun: orang Inggeris menulis dengan bahasa Melayu tulisan rumi dan juga dengan bahasa Melayu tulisan Jawi, sedang orang Melayu sendiri menulis memakai bahasa Inggeris. mereka berpendapat keadaan sudah terbalik. Orang lain menggunakan bahasa Melayu sedangkan orang Melayu sendiri tidak suka bercakap atau menulis dalam bahasa Melayu – demikianlah keadaan orang-orang kita.

\* \* \*

43 buah Persekutuan Pelajaran Cina dan Kebudayaan telah meraikan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang Ketiga dengan jamuan teh yang

meriah. Di dalam jamuan itu ketua-ketua mereka telah menghadiahkan sehelai kain yang bertulis di dalamnya dikatakan berbunyi “Marilah Kita Membina Bersama Kebudayaan Baharu”.

Orang yang memerhatikan gerak geri sekolah dan kebudayaan Cina itu tentulah berfikir dan termenung apakah dia kebudayaan baharu yang dikehendaki oleh mereka? Apakah kebudayaan yang berubah di negeri China dengan aliran komunis ataupun ada yang lainnya? Sedang orang-orang Islam dan Melayu mengerti bahawa kebudayaan mereka adalah berkaitan dengan kebudayaan lama yang berkaitan dengan agama mereka – tidak dapat dipisahkan kalau mengadakan kebudayaan baharu. Sebab itu maka banyak orang berfikir sekarang dan melihat-lihat di sebalik keraian itu ada udang di sebalik batunya.

\* \* \*

Dato’ Abdul Razak Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu nampaknya sangat memberi berat dengan Kongres Ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu sehingga beliau boleh dikatakan dua hari suntuk di dalam kongres itu. Sikap beliau adalah disambut dan sangat menyenangkan tetapi sebaliknya orang-orang di kongres itu sangat berdukacita kerana Menteri Pelajaran Singapura ataupun menteri mudanya tidak datang ke kongres tetapi hanya datang di dalam jamuan-jamuan besar yang diadakan kerananya. Juga peminat-peminat kongres sangat terasa: mengapa Menteri Pelajaran Singapura tidak sedikit pun mengadakan keraian kepada kongres itu? Masing-masing hanya mengangkat bahu – sedang orang ramai tentulah mengerti apa ertinya ini.

\* \* \*